

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YAB DATO' AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**SEMPENA
BORNEO FLORA FESTIVAL @ LABUAN 2025**

**KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA LABUAN
16 NOVEMBER 2025 (AHAD)**

**ANJURAN
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Bismillahirrahmanirrahim

YB. Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)

YBhg. Dato' Mohd Husni bin Mohamad Salleh

Pengerusi, Perbadanan Labuan

YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

YB. Dato' Indera Suhaili bin Abdul Rahman

Ahli Parlimen Labuan

YBrs. Encik Mohd Sukuran bin Taib

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Labuan

YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud

Presiden

Perbadanan Putrajaya

Pegawai Tertinggi Kementerian dan agensi Kerajaan,

Rakan Strategik Jabatan Wilayah Persekutuan,

Rakan-rakan Media,

Para tetamu jemputan serta para hadirin sekalian

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita berpeluang berhimpun pada malam yang penuh bersejarah ini sempena Majlis Perasmian Penutup Borneo Arts Festival tahun 2025.
2. Saya terlebih dahulu ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya serta semua rakan strategik, barisan ahli jawatankuasa, para peserta dan sukarelawan yang telah berusaha gigih memastikan penganjuran festival ini berlangsung dalam suasana yang ceria dan penuh harmoni.

“WARISAN SENI BORNEO: JALINAN SENI DAN CAHAYA”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Tahun ini, BAF 2025 tampil dengan tema “*Warisan Seni Borneo: Jalinan Seni dan Cahaya*”, yang menggambarkan sinergi antara tradisi dan inovasi, antara warisan dan kemodenan. Festival ini bukan sekadar pementasan seni, tetapi merupakan manifestasi identiti Borneo yang menzahirkan keindahan budaya, kehalusan nilai dan keutuhan semangat perpaduan.

4. Sinar yang terpancar daripada festival ini bukan sekadar hiasan atau persembahan visual, tetapi melambangkan semangat rakyat Borneo dalam menyalakan obor kebudayaan yang progresif dan inklusif.
5. Inilah simbol bagaimana masyarakat Labuan dan seluruh Borneo mampu mengekalkan warisan sambil menyesuaikan diri dengan arus kemodenan, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan nilai kemanusiaan, kemajuan dan kesejahteraan sejagat.
6. Melalui pelbagai persembahan, pameran serta segmen berunsur kreatif seperti Laman Etnik Pesona 3W, Laman Pesona LAWA, Citarasa Borneo, Pertandingan Tarian Kreatif, dan Fesyen Nasional Kostum Borneo, kita dapat menyaksikan bagaimana seni dijadikan jambatan yang merapatkan jurang, menyatukan masyarakat dan memperkukuh hubungan antara wilayah di bawah naungan Malaysia MADANI.

SENI DAN PERPADUAN DALAM KERANGKA MALAYSIA MADANI

Hadirin sekalian,

7. Seni dan budaya merupakan wahana penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan berdaya tahan. Dalam konteks Malaysia MADANI, seni berperanan sebagai

bahasa perpaduan yang menyemai nilai *Hormat, Ihsan, Keberdayaan dan Kesejahteraan*.

8. BAF 2025 bukan sahaja memperlihatkan keunikan seni Borneo, tetapi juga menonjolkan kekuatan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dalam menjayakan sesuatu matlamat bersama. Penyertaan pelbagai komuniti, daripada penggiat profesional sehinggalah ke peringkat akar umbi menggambarkan bahawa seni ialah wadah penyatuan dan kekuatan sosial yang mampu membentuk masyarakat lebih inklusif dan berintegriti.
9. Seni bukan sekadar cerminan kreativiti, tetapi merupakan asas kepada pembinaan jati diri bangsa yang berakar pada nilai kebersamaan dan saling menghormati. Melalui seni, kita diajar untuk memahami makna perbezaan sebagai kekuatan dan bukan kelemahan; untuk menghargai kepelbagaian budaya sebagai sumber kekayaan rohani dan sosial negara.

LABUAN SEBAGAI HAB SENI, BUDAYA DAN EKONOMI KREATIF

10. Kerajaan melihat Borneo Arts Festival sebagai pemangkin penting ke arah menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai hab penganjuran acara berimpak tinggi. Limpahan ekonomi yang terhasil daripada aktiviti seni dan pelancongan sepanjang festival ini bukan sahaja memberi manfaat kepada sektor perniagaan dan perusahaan mikro

- tempatan, malah membuka peluang baharu kepada golongan belia, usahawan kreatif dan penggiat seni tempatan.
11. Pendekatan bersepadu ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasa sektor ekonomi kreatif dan pelancongan budaya sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara.
 12. Inisiatif ini juga mendokong usaha ke arah Tahun Melawat Malaysia 2026, di mana seni dan warisan akan menjadi antara komponen utama dalam memperkukuh daya tarikan destinasi pelancongan negara.
 13. Labuan dengan kedudukan strategiknya di tengah-tengah rantau Asia Tenggara boleh menjadi pusat pertemuan budaya dan perdagangan kreatif. Melalui acara seperti Borneo Arts Festival, kita bukan sekadar mempamerkan seni, malah membuka ruang ekonomi baharu dengan penglibatan komuniti sehingga menarik negara luar untuk berkolaborasi dalam industri pelancongan dan kesenian.

PESONA 3 WILAYAH : #3CERITA1JIWA

14. Seiring dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuh sektor pelancongan negara menjelang **Tahun Melawat Malaysia 2026**, Jabatan Wilayah Persekutuan turut memperkenalkan subtema

pelancongan **Pesona 3W: #3Cerita1Jiwa**, yang menggabungkan keunikan tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

15. Melalui inisiatif ini, setiap wilayah menceritakan kisahnya yang tersendiri. Kuala Lumpur sebagai nadi metropolitan dan destinasi gaya hidup antarabangsa; Putrajaya sebagai bandar pintar, hijau dan beridentiti Malaysia moden; manakala Labuan sebagai pulau warisan, seni dan pesona alam Borneo.
16. Ketiga-tiganya berpadu menjadi satu jiwa yang mencerminkan semangat Malaysia MADANI : harmoni dalam kepelbagaian, maju dalam keseimbangan.
17. Borneo Arts Festival yang berlangsung di bumi Labuan ini merupakan cerminan nyata kepada semangat **#3Cerita1Jiwa**, yang menjadikan seni dan budaya sebagai jambatan menyatukan tiga wilayah di bawah satu identiti nasional yang utuh dan berjiwa rakyat.

PENGHARGAAN DAN HARAPAN

18. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi dan rakan strategik yang terlibat, khususnya Perbadanan Labuan, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Pembangunan Kampong Baru, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta pelbagai pertubuhan bukan

kerajaan, institusi pendidikan dan komuniti setempat yang berganding bahu menjayakan festival ini.

19. Komitmen dan semangat kebersamaan yang dipamerkan amat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, yang menuntut agar setiap usaha pembangunan dan kemajuan negara digerakkan melalui semangat kolaborasi, saling menghormati dan tanggungjawab bersama antara kerajaan, masyarakat dan komuniti.
20. Kejayaan yang kita kecapai hari ini bukanlah hasil usaha individu semata-mata, tetapi terhasil daripada kesatuan hati, perpaduan fikiran serta tekad bersama untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya tahan, progresif dan inklusif .
21. Adalah menjadi harapan saya agar Borneo Arts Festival terus diperkasakan sebagai acara tahunan bertaraf antarabangsa, yang bukan sahaja mengangkat martabat seni Borneo, tetapi juga memperkukuh kedudukan Labuan sebagai pusat pelancongan dan ekonomi kreatif di rantau ini.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Sesungguhnya, Borneo Arts Festival merupakan cerminan semangat rakyat Malaysia yang cintakan budaya dan

menghargai kepelbagaian. Moga sinar seni yang terpancar di bumi Labuan ini akan terus menyinari jalan perpaduan dan kemakmuran negara pada masa hadapan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis penutupan Borneo Arts Festival @ Labuan 2025.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.